

# Sabah terima pelaburan RM13 billion

## ► Bidang petrokimia di POIC Lahad Datu

KOTA KINABALU: Sabah menerima pelaburan tunggal tertinggi bernilai RM13 bilion di Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Sdn Bhd Lahad Datu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, pelaburan dalam bidang petrokimia itu diterima daripada syarikat konglomerat, Burel Industries Sdn Bhd.

“Sebuah kilang petrokimia akan dibina di POIC Lahad Datu untuk memproses produk petroleum nafta menghasilkan pelbagai produk petrokimia untuk pasaran dunia.

“Pelaburan ini akan menyaksikan Sabah berada dalam peta dunia sebagai pengeluar produk petrokimia dan bakal mewujudkan peluang pekerjaan termasuk yang berkemahiran tinggi.”

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan upacara menandatangani dokumen ‘Term of Sheet’ di antara Ketua Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Seri Panglima Wilfred Madius menyediakan latihan



**SHAFIE (tengah) menyaksikan acara menandatangani dokumen 'Term of Sheet' di antara Pang (duduk, kiri) dan Brandtzag (stading, kanan).**

Dr Pang Teck Wai dan Pengurus Burel Industries Per Brandtzag. Menurut Shafie, pelaburan berkenaan juga bakal menghasilkan 2 juta tan produk petrokimia yang akan dihantar menggunakan kapal laut ke luar negara melalui 70,000 kontena setiap tahun termasuk produk lain POIC Sabah Sdn Bhd Datu



**PENGURUSAN POIC Lahad Datu dan Burel Industries bergambar kenangan bersama Shafie (tengah).**

pembinaan untuk pelaburan di Lahad Datu.

Katanya, pelaburan itu akan memberi impak yang signifikan kepada POIC Lahad Datu yang berpotensi menjadikan pantai timur Sabah sebagai hab logistik, perkapalan dan industri antarabangsa.

Hadir sama pada majlis itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Hashim Pajian.

**PENERANGAN**

### DATUK SERI MOHD SHAFIE APDAL

*Ketua Menteri*

Tangau berkata, Burel Industries telah mendapatkan kelulusan Kerajaan Malaysia bagi pelaksanaan projek di

Sabah.

Perjanjian itu juga meliputi pembekalan nafta selama 20

tahun dan memperolehi dana